

PM mulakan lawatan tiga hari ke Kenya

Daripada MOHD. KAMIL YUSUFF

NAIROBI 17 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini hari ini bagi memulakan lawatan kerja tiga hari ke Kenya, sebagai negara republik di Afrika Timur dengan penduduk 35 juta orang.

Ini adalah lawatan rasmi pertama Perdana Menteri Malaysia ke negara yang juga digelar sebagai 'safari dunia' sejak negara pimpinan Presiden Mwai Kibaki ini mencapai kemerdekaan daripada British pada Disember 1963.

Delegasi Malaysia antara lain turut disertai oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, pegawai kanan kerajaan dan sejumlah ahli perniagaan Malaysia.

Abdullah yang tiba daripada lawatan tiga hari di Sudan, dijadual mengadakan pertemuan dengan Presiden Kibaki bagi membincangkan hubungan dua hala dan antarabangsa serta isu-isu yang menyentuh kepentingan bersama antara kedua-dua negara seperti perdagangan dan pelaburan.

Selain mengadakan perjumpaan de-

ngan rakyat Malaysia yang bekerja dan menjalankan perniagaan di sini, Perdana Menteri akan berucap pada Forum Perdagangan dengan masyarakat industri dan perdagangan negara ini.

Hubungan dagang Malaysia dan Kenya bermula pada 1965. Pada 1997, Kenya membuka kedutaannya di Kuala Lumpur, manakala kedutaan Malaysia di Kenya diwujudkan pada 2005.

Lawatan Abdullah ini akan memberi peluang kepada peningkatan hubungan perdagangan antara kedua-dua buah negara. Banyak potensi perdagangan sama ada usaha sama atau persendirian khususnya di bidang pembinaan infrastruktur dan perumahan.

"Kenya adalah pintu masuk ke Afrika Timur yang mempunyai pasaran kira-kira 160 juta penduduk," kata Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kenya, Selwyn Dass kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan Perdana Menteri ke negara ini, di sini hari ini.

Sambil menyifatkan negara yang bersempadan dengan Ethiopia, Somalia, Tanzania, Uganda dan Sudan ini sebagai mesra perdagangan, beliau berkata, Kenya menawarkan pelbagai kemudahan

para pelabur Malaysia untuk melabur modal di negara ini.

"Iklim pelaburan sangat baik, tidak banyak halangan untuk memulakan perniagaan di sini sama ada secara usaha sama atau persendirian. Malah, mereka sangat mengalu-alu kedatangan pelabur Malaysia," katanya membetulkan salah tanggapan mengenai risiko melabur di negara yang agak tinggi kadar jenayah ini.

Sehubungan itu, beliau menyeru usahawan Malaysia merebut peluang perniagaan di negara sedang membangun ini yang menawarkan pasaran buruh murah. Kataanya, banyak negara lain begitu agresif melabur di negara ini.

Menurut Dass, antara bidang yang dijangka menjadi tumpuan perbincangan antara delegasi Malaysia dan Kenya ialah pelajaran dan pelancongan.

Kenya, katanya menunjukkan minat yang tinggi untuk menghantar pelajarinya menuntut di Malaysia kerana Malaysia menawarkan tempat pengajian berkualiti dengan yuran berpatutan.

Pada masa ini terdapat kira-kira 600 pelajar Kenya belajar di kolej-kolej dan pusat pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia.

Beliau juga memberitahu, sebuah kolej swasta di Petaling Jaya kini sedang berunding untuk mengadakan program pengajian peringkat ijazah di sini.

Malam ini, Abdullah diraikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Kenya dalam satu majlis makan malam dan mengadakan pertemuan dengan masyarakat Malaysia di sini.

Esok, Perdana Menteri akan diberi sambutan rasmi di Parlimen sebelum mengadakan pertemuan empat mata dengan Presiden Kibaki. Beliau juga dijangka menyaksikan beberapa perjanjian persefahaman antara kedua-dua buah negara.

Pada tengah hari, Abdullah akan berucap pada Forum Perdagangan Malaysia-Kenya, sebelum melawat ladang yang terbesar di negara ini.

Pada hari terakhir lawatan, beliau dijadual melawat Masai Mara, salah sebuah safari terkenal di dunia, kira-kira 270 kilometer dari sini. Safari seluas 1,510 kilometer persegi itu dicalonkan sebagai Tujuh Keajaiban Baru Dunia.

Abdullah kemudian akan berlepas ke Windhoek, Namibia untuk meneruskan lawatan kerjanya ke Namibia.

- Utusan